

# Syed Azman beri dana RM1 juta kepada UPM galakkan inovasi

UTUSAN  
MALAYSIA

20/1/2018 p.1

**KUALA LUMPUR 19 Jan.** - Weststar Aviation Services Sdn. Bhd. (WAS) menyasar untuk disenaraikan di Bursa Malaysia menjelang suku kedua tahun ini, namun keputusan muktamad mengenai masih bergantung kepada harga tawaran awam permulaan (IPO) yang bersesuaian.

Pengarah Urusan Kumpulan Weststar Group, Tan Sri Syed Azman Syed Ibrahim berkata, persediaan penyenaaran saham syarikat pengendali pengangkutan udara luar pesisir utama di Malaysia itu telah dimulakan sejak 2014.

Beliau berkata, atas beberapa faktor perlu diberikan keutamaan, langkah itu ditangguhkan seketika dan WAS sebagai cabang perniagaan penting kumpulan pada masa ini tidak juga tergesa-gesa untuk disenaraikan memandangkan prestasi kewangan yang dicatat masih kukuh.

"Semua faktor perlu diberikan pertimbangan, bukan risiko kewangan semata-mata kerana aliran tunai kami sangat positif



**SYED AZMAN SYED IBRAHIM (dua dari kanan) menyampaikan dana RM1 juta kepada Dr. Aini Idris (tiga dari kiri) pada majlis MOU Pemberian Dana Endowmen kepada UPM di Galeri Putra UPM, Serdang, semalam.**

atau dipengaruhi harga minyak mentah di pasaran dunia yang berada di paras stabil.

"Namun, nilai ringgit yang semakin mengukuh dan kadar tukaran mata wang juga perlu dinilai sewajarnya bagi memastikan pemegang saham berkepentingan turut mendapat manfaat daripada proses penye-

naraan nanti yang berkemungkinan menjelang suku kedua tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) Pemberian Dana Endowmen Tan Sri Syed Azman Syed Ibrahim kepada Universiti Putra Malaysia (UPM) di Galeri

Putra, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pro Canselor UPM, Tan Sri Dr. Nayan Ariffin dan Naib Canselor, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris.

Dana sebanyak RM1 juta disumbangkan Syed Azman kepada Dana Endowmen diuruskan UPM bagi menggalakkan lagi potensi dan perkembangan inovasi dalam bidang Kejuruteraan Aeroangkasa dan rangkaian bidang strategik berkaitannya.

Menurut Aini, dana diterima hasil inisiatif pelaksanaan Penta Helix Engagement Model itu, menjadi penghubung strategik akademik, industri, komuniti dan kerajaan dijangka memberi impak signifikan ke arah memacu transformasi pendidikan tinggi negara.

"Dana Endowmen bernilai RM1 juta meliputi tempoh selama 10 tahun diharapkan menjadi pemangkin penting peningkatan kapasiti dan sinergi Kejuruteraan Aeroangkasa yang makin pesat berkembang, seterusnya menginovasikan teknologi masa depan industri ini," ujarnya.